

PERUTUSAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG KE-32
ANGKASAPURI, 30 OGOS 1989

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam bahagia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan -- Hari Kemerdekaan negara kita. Kita juga bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan sejahtera dan kita berdoa semoga keamanan dan kesejahteraan itu berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Untuk tujuan ini kita perlu terus berusaha.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Walaupun kita telah menyambut kemerdekaan negara sebanyak 32 kali, hanya semenjak tahun 1970 sahaja kita menyambut hari yang bersejarah ini dengan tema-tema yang tertentu. Biasanya tema sambutan Hari Kebangsaan ini bertukar ganti mengikut objektif dan suasana negara yang relevan pada tiap-tiap tahun itu. Walaupun begitu, tema tahun ini - 'Bersatu' - adalah sama dengan tema tahun 1988 yang lalu.

3. Tema 'Bersatu' diulangi tahun ini oleh kerana Kerajaan memandang dengan serius dan mengutamakan perpaduan rakyat. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi perpaduan negara. Dewasa ini semakin ramai rakyat yang menyedari pentingnya bersatu untuk menempa keamanan dan pembangunan negara. Kita yakin kita dapat meluaskan lagi kesedaran ini sekiranya tema itu diteruskan. Sebab itulah Kerajaan telah memilih 'Bersatu' sekali lagi sebagai tema sambutan hari kebangsaan tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan dasar-dasar lain adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi perpaduan. Di mana-mana juga dalam masyarakat perbezaan yang ketara dalam kedudukan ekonomi, politik dan sosial membawa kepada perpecahan yang boleh mencetuskan rusuhan. Perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin, walaupun sesama kaum, biasanya akan membawa kepada perpecahan dan pemberontakan. Inilah yang menyebabkan Revolusi Perancis yang berlaku 200 tahun dahulu dalam kaum sebangsa. Justeru itu, usaha hendaklah dibuat untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara yang miskin dengan yang kaya terutamanya jika perbezaan ini dikaitkan dengan kaum-kaum tertentu. DEB bertujuan mengurangkan jurang perpecahan di antara yang miskin dengan yang kaya dan kaitan kaum dengan fungsi ekonomi. Perbezaan dalam bidang sosial dan politik, jika ada, akan hapus apabila kekayaan dan kemiskinan tidak lagi dikaitkan dengan kaum.

5. DEB wujud ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969. Kepada mereka yang mengalami sendiri peristiwa tersebut, cogan kata seperti 'Bersatu' akan memberi makna yang mendalam di hati sanubari mereka. Mereka dan keluarga mereka mengerti penderitaan dan kecemasan kerana rusuhan kaum. Jika berlaku

sebarang rusuhan, kecederaan dan kehilangan nyawa akan terjadi. Kehidupan harian juga terganggu dan berbagai kesusahan dan kesulitan dialami. Keselamatan tidak terjamin dan rakyat hidup dalam ketakutan.

6. Inilah yang terjadi akibat rusuhan 13 Mei 1969. Walaupun kita ingin melupakan peristiwa hitam ini, kita tidak harus lupa pengajaran daripadanya. Jika kita lupa langsung akan peristiwa itu, ada kemungkinan kita tidak akan berusaha untuk mengelak daripada peristiwa seumpama itu diulangi.

7. Malangnya, semakin tahun semakin ramai penduduk kita yang terdiri daripada golongan belia yang tidak mengalami kecemasan peristiwa tersebut. Mereka tidak dapat memahami betapa buruknya peristiwa seperti itu. Dengan itu Kerajaan memikirkan adalah sesuai untuk kita sentiasa menekankan pentingnya unsur bersatu dan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Tema ' Bersatu' seharusnya dijadikan asas oleh sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi, agensi-agensi awam, pihak swasta dan semua pihak di negara ini dalam segala tindakan dan kegiatan mereka sepanjang masa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. ' Bersatu' boleh dilihat daripada beberapa aspek, sama ada politik, ekonomi, sosial atau keselamatan. Apabila kita bersatu, kita akan berasa yakin dan dapat bekerjasama rapat sesama kita. Kerjasama dan bantu-membantu akan meringankan beban kita. Kita sudah tentu akan disegani dan apabila kita menyuarakan apa-apa pandangan, pandangan kita akan diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya.

9. Sebaliknya kalau kita berpecah-belah, kita sibuk bertelagah dan berbalah, masyarakat antarabangsa tidak akan menghormati kita. Apa yang kita suarakan akan berlalu tanpa didengar, tanpa pertimbangan. Kita tidak disegani dan maruah kita terjejas. Dalam arena politik antarabangsa, maruah yang tinggi adalah salah satu perkara yang kita utamakan. Setiap negara melihat kepada beberapa unsur sebagai ukuran prestasi negara lain. Salah satu unsur itu semestinyalah kestabilan politik sesebuah negara. Dengan itu kita harus terus bersatu untuk meningkatkan maruah negara pada mata dunia luar. Kita dipelawa dan diterima sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM kerana masyarakat antarabangsa yakin akan kestabilan dan kemampuan negara kita.

10. ' Bersatu' juga boleh diteliti daripada aspek ekonomi dan pembangunan negara. Kerajaan selalu menyeru mengenai perpaduan dan keharmonian supaya iklim pembangunan dan iklim ekonomi sentiasa baik dan cerah. Ekonomi yang baik akan membawa banyak manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

11. ' Bersatu' juga boleh dilihat daripada segi keharmonian hidup. Yang bersatu tetap harmoni dan yang asyik bertelingkah tetap kecoh. Sama ada negara, masyarakat, pertubuhan, parti politik, pasukan sukan atau apa-apa jua kumpulan, wujudnya unsur bersatu akan menenangkan hubungan antara individu-individu yang menganggotainya. Banyak masa akan dapat kita

tumpukan untuk kebajikan dan kebaikan masyarakat sekiranya tidak terdapat sebarang perpecahan.

12. Satu lagi aspek ialah hubungan di antara unsur bersatu dengan pertahanan dan keselamatan negara. Hubungan di antara bersatu dengan keselamatan adalah berterusan dan direct. Bersatu adalah asas kekukuhan. Sesebuah negara akan dapat mempertahankan dirinya sekiranya masyarakatnya bersatu. Pemerintahan Kesultanan Melaka semakin lama semakin kuat di masa masyarakatnya bersatu. Sebaliknya, Kesultanan itu lumpuh dan kemudiannya hancur apabila terdapat perpecahan dan pertelingkahan, terutama di kalangan para pemimpinnya.

13. Dalam zaman penuh cabaran ini, negara kita sentiasa menghadapi cabaran dalaman dan luaran. Kalau kita tidak bersatu, kita mungkin dimusnahkan oleh masalah-masalah dalaman yang mungkin digembar-gembur serta diapi-apikan oleh musuh-musuh dari luar. Mungkin juga musuh-musuh dari luar dapat mengambil kesempatan untuk melumpuhkan kita. Kemungkinan-kemungkinan ini jika tidak diawasi akan mengurang dan menjejaskan kemerdekaan kita. Sekiranya kita lalai, kita mungkin dijajah semula. Penjajahan itu tidak semestinya berbentuk penaklukan negara, tetapi mungkin berbentuk penjajahan ekonomi atau penjajahan sosial. Beberapa buah negara di dunia ini tidak dapat hidup tanpa bersandar kepada negara-negara tertentu. Tanpa bantuan, negara-negara itu akan lumpuh. Dengan itu negara-negara yang memberi bantuan dapat menggunakan bantuan tersebut untuk kepentingan mereka sendiri sehingga akhirnya Kerajaan- kerajaan negara-negara penerima menjadi Kerajaan boneka.

14. Oleh yang demikian, Kerajaan menyeru rakyat Malaysia daripada semua kaum supaya menghargai kemerdekaan kita. Sudah 32 tahun kita merdeka dan kita telah berjaya mengisi kemerdekaan dengan pembangunan material dan rohaniah. Walau bagaimanapun banyak lagi yang harus kita laksanakan supaya negara kita lebih maju dalam semua aspek. Untuk tujuan ini kita perlu kepada suasana yang tenang dan kita semua hendaklah mengelak daripada melakukan sebarang kegiatan yang boleh mengancam perpaduan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA yang kelima belas, satu pertandingan sukan yang terbesar dan gilang-gemilang yang pernah diadakan di negara kita. Sesuatu yang kita boleh banggakan ialah perpaduan erat yang wujud di kalangan ahli-ahli sukan Malaysia. Kejayaan kita di Sukan SEA ini ialah kerana adanya semangat kekitaan dan perpaduan. Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli sukan kita ke Sukan SEA ini yang telah mengharumkan nama negara bukan sahaja dalam arena sukan, tetapi juga kerana menunjukkan perpaduan yang nyata walaupun mereka terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Semangat keMalaysiaan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli sukan kita dan perpaduan yang erat antara mereka semenjak mereka berlatih hinggalah ke masa bertanding, menggambarkan perpaduan yang kita idami. Seluruh rakyat Malaysia mengucapkan syabas dan terima kasih kepada ahli-ahli sukan dan pegawai-pegawai Sukan SEA kita. Saya yakin perpaduan yang

mereka tunjukkan akan menjadi contoh dan teladan kepada kita semua.
Memang benarlah cogan kata kita, ' Majulah Sukan Untuk Negara' .

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Saya percaya masyarakat Malaysia akan berusaha dengan bersungguh-sungguh agar perpaduan nasional dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi. Saya juga yakin bahawa rakyat Malaysia akan menjaga perpaduan ini dan sanggup berkorban supaya negara Malaysia benar-benar bersatu. Insya-Allah, negara kita akan sentiasa terpelihara dan sentiasa berjaya.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.